

**NO. SOALAN: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
[ KUALA LANGAT ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7224**

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah kerajaan untuk mengawal pekerja tanpa izin dan keberkesanan terhadap 6P yang diperkenalkan sebelum ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan memandang serius isu pendatang asing tanpa izin (PATI), dan telah mengambil tindakan bagi menangani isu ini. Tindakan-tindakan yang telah diambil ini boleh dikategorikan kepada 2 peringkat iaitu sebelum masuk ke negara dan setelah berada dalam negara.**

**Sebelum masuk ke Malaysia, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:**

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;**
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini; dan**
- iii) pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara dipertingkatkan, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi**

**Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kerajaan juga sentiasa memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).**

**Manakala setelah berada dalam negara, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:**

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari semasa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan**
- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.**

Untuk makluman, pada masa ini, Program 6P berada dalam fasa yang terakhir iaitu program penguatkuasaan. Kerajaan telah melancarkan Operasi 6P Bersepadu yang diterajui oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi fasa pertama pada 1 September 2013 hingga 8 Oktober 2013 dan fasa kedua pada 21 Januari 2014 hingga 11 Mac 2014. Kementerian masih meneruskan program penguatkuasaan Operasi Secara Bersepadu Fasa 1 bermula 1 September 2013 hingga 20 Januari 2014 dan Operasi Secara Bersepadu Fasa 2 bermula 21 Januari 2014 hingga 23 September 2014.

Operasi Bersepadu 6P Fasa 2 yang dilancarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia pada 21 Januari 2014 sehingga 18 Mac 2014, seramai 11,460 orang PATI telah diusir ke negara asal. Jumlah pengusiran mengikut lima negara tertinggi adalah seperti berikut:-

- i) Indonesia – 4,929 orang
- ii) Filipina – 2,303 orang
- iii) Bangladesh – 734 orang
- iv) Myanmar – 626 orang; dan
- v) Nepal – 525 orang

Jumlah PATI ditangkap melalui operasi bersepadu Fasa 1 bermula 1 September 2013 hingga 20 Januari 2014 adalah seramai 17,455 orang dan bagi Fasa 2 bermula 21 Januari 2014 hingga 23 September 2014 adalah seramai 23,038 orang .

**Terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh agensi-agensi Kerajaan semasa proses pendaftaran 6P di mana Proses Pendaftaran tidak mendapat sambutan secara menyeluruh kerana sesetengah PATI dan majikan kurang percaya dan berasa was-was untuk mendaftarkan diri.**

**Namun demikian, Program 6P dilihat masih berjaya mencapai matlamatnya bagi aspek-aspek seperti berikut:**

- (i) Kerajaan berupaya mengumpul data berhubung jumlah PATI yang berada di dalam negara;**
- (ii) Pengambilan data biometrik dalam proses pendaftaran dapat membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing sekali gus meningkatkan kawalan keselamatan negara;**
- (iii) Menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan;**
- (iv) Memperolehi maklumat serta butiran tentang keberadaan PATI mengikut pecahan warganegara, aktiviti ekonomi, umur, jantina dan sebagainya.**

- (v) Memenuhi segera keperluan pekerja asing sektor-sektor ekonomi melalui proses pemutihan PATI tanpa perlu membawa masuk pekerja asing baru; dan**
- (vi) Menangani isu kutipan levi ke atas majikan yang menggaji PATI di mana sebelum ini Kerajaan tidak dapat mengutip bayaran levi ke atas majikan yang menggaji PATI sekali gus menjana hasil pendapatan negara.**

**Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk memastikan pengurusan warga asing yang lebih komprehensif dapat diwujudkan di negara ini. Justeru, Program 6P ini adalah merupakan inisiatif dan langkah penambahbaikan yang telah dijalankan oleh Kerajaan dalam menangani isu kemasukan dan keberadaan warga asing secara tidak sah di dalam negara ini.**